

TERJEMAHAN TEKS DI GALERI



# CROSSCURRENTS

Masterpieces of Mughal, Safavid, and Ottoman Art  
from the Musée du Louvre

19 June 2026 - 24 Jan 2027




EXHIBITION ORGANISED BY  
THE MUSÉE DU LOUVRE, PARIS AND  
THE ASIAN CIVILISATIONS MUSEUM, SINGAPORE

LOUVRE

ACM

Pelan galeri



# 1 **Silang Arus: Karya Agung Seni Mughal, Safawiyah dan Uthmaniyah dari Musée du Louvre**

Dari abad ke-16 hingga ke-18, dunia Mughal, Safawiyah, dan Uthmaniyah telah membentuk sebuah rantau yang luas dan saling terhubung merentasi Asia. Tatkala artifak, bahan mentah, dan kemahiran berpindah-randah di antara empayar-empayar ini, gaya dan teknik seni juga diubahsuai dan digubah semula. Ini telah mencetuskan kemunculan bahasa visual yang dilahirkan di samping tradisi tempatan yang tersendiri.

Pameran ini akan merentasi dua tingkat. Tingkat 2 untuk menerokai empayar Mughal India dan Safawiyah Iran, dan Tingkat 3 untuk menyelami dunia Uthmaniyah. Tangga di tengah-tengah menyatukan dua jalinan ini, bersama sebuah peta yang menempatkan ketiga-tiga empayar. Terdapat juga sebuah panel yang memperkenalkan konsep reka

bentuk di sebalik pameran ini. Sambil anda menerokai ruang-ruang ini, kami mengajak anda untuk renungkan persamaan serta perbezaan yang terdapat pada artifak yang dipamerkan. Apakah yang anda pernah lihat, dan apakah pula yang di luar jangkaan anda?

## **2 Kemewahan Dunia Uthmaniyah (1299–1924)**

Negara Uthmaniyah muncul pada abad ke-13 di Anatolia sebagai sebuah wilayah pemerintahan amir yang berada di batasan empayar Byzantine. Sepanjang abad-abad berikutnya, ia berkembang secara mantap merentasi rantau Balkan dan timur Mediterranean. Penaklukan kota Constantinople pada tahun 1453 menandakan titik tolak yang penting kerana Uthmaniyah ditubuhkan sebagai sebuah kuasa empayar yang besar serta mengubah kota Anatolia kepada Istanbul – sebuah ibu kota bagi empayar tersebut. Dalam tempoh beberapa dekad sahaja, landskap kota ini telah dibentuk semula melalui pembinaan masjid,

istana, dan bangunan awam yang diarahkan oleh para sultan dan pihak istana.

### **Penaung seni budaya**

Abad ke-16 menandakan kemuncak keagungan empayar ini, yang mana wilayahnya pada ketika itu menjangkau sebahagian Eropah Timur, Anatolia, Timur Tengah, dan Afrika Utara. Istanbul dan Kaherah muncul sebagai pusat bandar raya utama, yang dihubungkan oleh rangkaian laluan perdagangan maritim dan darat yang luas di dalam serta di luar sempadan empayar. Walaupun peluasan wilayah mula perlahan pada abad ke-17, empayar Uthmaniyah kekal sebagai sebuah kuasa yang kuat lagi bertahan lama sehinggalah awal abad ke-20. Sepanjang tempoh ini, mereka telah menjadi penaung seni budaya yang amat gigih kerana menggalakkan penghasilan kitab, tekstil, dan seramik yang kini membentuk teras kepada koleksi seni Islam di Muzium Louvre.

### **3 Islam Asia Tenggara**

Hari ini, Asia Tenggara menjadi tempat tinggal bagi kira-kira satu perempat daripada jumlah penduduk Islam di dunia, dengan majoritinya berada di Brunei, Malaysia, dan Indonesia, serta masyarakat minoriti yang signifikan di wilayah-wilayah lain. Hubungan dengan dunia Islam telah bermula sejak awal lagi, terbukti dengan penemuan sebuah kapal dhow Arab abad ke-9 di luar pantai Sumatera – yang kini dipamerkan di Galeri Bangkai Kapal Zaman Tang (Tang Shipwreck Gallery). Menjelang akhir abad ke-13, pertemuan-pertemuan ini telah menyumbang kepada kebangkitan Kesultanan Samudera Pasai di Aceh, iaitu kerajaan Islam pertama di rantau ini. Agama Islam kemudian tersebar secara berperingkat, lalu mencapai pengaruh yang paling luas antara abad ke-16 hingga ke-18.

#### **Rangkaian samudera dan hubungan istana**

Para pedagang dari Timur Tengah dan benua kecil India, khususnya dari Gujarat, Bengal, dan

Pantai Coromandel, merupakan kunci utama kepada proses penyebaran agama Islam. Ramai dalam kalangan mereka menetap di sini dan membina hubungan melalui perkahwinan. Apabila para pemerintah memeluk Islam dan menggunakan gelaran sultan, naungan istana telah memperkukuh identiti-identiti baharu ini. Jalinan hubungan turut meluas ke seluruh dunia Islam, seperti yang dibuktikan melalui perikatan antara Aceh dengan empayar Uthmaniyah pada abad ke-16, sekali gus mengekalkan kelangsungan pergerakan manusia, artifak, dan idea merentasi lautan.

### **Tradisi tempatan, rupa bentuk yang dikongsi**

Seni Islam di Asia Tenggara muncul menerusi proses adaptasi dan bukannya pemutusan budaya secara mendadak. Tradisi Hindu-Buddha dan animisme yang wujud sebelumnya telah digubah semula agar bersesuaian dengan konteks baharu, lalu menghasilkan gaya serantau yang tersendiri. Rupa bentuk tumbuhan yang beralun seperti reka bentuk

okir di Filipina menjadi contoh jelas bagi proses yang mengubah corak warisan nenek moyang menjadi satu bahasa visual Islam yang unik.

## **4 Seramik Iznik**

Dari sekitar tahun 1470, para pembuat tembikar Iznik telah menghasilkan barangan tembikar batu bermutu tinggi yang mampu menandingi kecemerlangan kilauan dan keputihan porselin dari China. Reka bentuk mereka pada mulanya banyak dipengaruhi hiasan biru putih sebelum palet warna yang hidup mula muncul pada pertengahan abad ke-16. Hasil seni seramik ini mencerminkan cita-cita tinggi para penaung empayar serta peningkatan permintaan bagi objek-objek mewah pada zaman tersebut.

### **Kilauan yang kian berkembang**

Pinggan mangkuk Iznik digunakan secara meluas di seluruh empayar Uthmaniyah dan dieksport ke Eropah. Penghasilan jubin juga

melonjak pesat pada abad ke-16. Didorong oleh permintaan diraja untuk membina istana dan monumen awam, penghasilan jubin ini berkembang seiring dengan pembuatan pinggan mangkuk, lalu membentuk himpunan hiasan yang kaya serta kepelbagaian warna yang serba luas.

## **5 Istanbul dan Istana Empayar**

Pada abad ke-16, gaya berpusatkan istana yang berpangkalan di Istanbul telah membentuk penghasilan seni di seluruh empayar Uthmaniyah, dengan atelier (bengkel seni) empayar berfungsi sebagai pusat kreatifnya. Di sini, para seniman istana membangunkan bahasa visual yang tersendiri, sekali gus memastikan setiap hasil karya – daripada kerja jubin monumen sehinggalah kepada manuskrip – memperakui dan mengukuhkan kekuasaan sultan.

## **Kemegahan Material**

Naungan empayar telah merevolusikan kraf barangan mewah, lalu mengubah seni pertukangan logam dan tekstil menjadi alat kekuasaan. Bengkel-bengkel kerja istana mengkhhususkan perhatian kepada pembuatan tombak (tembaga bersadur emas) serta pertukangan logam berharga yang lain, lalu menghasilkan bekas-bekas bertatahkan emas untuk kegunaan eksklusif kerajaan. Sementara itu, para pelukis empayar pula menyediakan reka bentuk untuk kain sutera dan baldi yang masyhur di seluruh empayar. Kawalan estetik ini turut diperluas ke skriptorium (bengkel penyalinan) diraja, di mana kehalusan seni iluminasi dan kaligrafi khat thuluth telah menukarkan manuskrip menjadi hadiah diplomatik yang amat bernilai, sekali gus memancarkan kuasa istana serta prestij sultan.